

CNS6017

U GB 24-05 00179 BH906

aab

Mahathir - Perdagangan

JADIKAN DUNIA INI SATU PASARAN, KATA MAHATHIR

Daripada Azman Ujang

I

SEOUL, 24 Mei (Bernama) -- Dunia ini seharusnya menjadi pasaran dan blok perdagangan tunggal, tanpa banyak halangan dan gangguan, bagi menggalakkan perdagangan bebas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Walaupun perdagangan bebas mungkin tidak sempurna, ianya tetap kaedah paling wajar bagi menjamin "faedah ekonomi paling baik kepada manusia paling ramai," katanya kepada lebih 700 tokoh korporat dan pegawai tertinggi kerajaan yang menghadiri Mesyuarat Am Antarabangsa Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Pusat Seni Korea di sini.

"Dalam konteks perdagangan, dunia yang terbuka haruslah menjadi pilihan pertama dan terbaik," kata Dr Mahathir, yang mahukan keterbukaan serantau bukan saja di rantau ini, tetapi di seluruh dunia.

Bagaimanapun, katanya, dalam tempoh pasca peperangan, terdapat 55 pasaran serantau dan peraturan perdagangan atau blok di serata bahagian di dunia ini.

Asia Timur Laut ialah satu-satunya kawasan utama dunia yang tidak pernah mencuba secara serius blok seperti ini, kata beliau. -- Lagi

▼24/05/15-06MST

CNS6042

U GB 24-05 00174 BH907

aab

Mahathir - Perdagangan 2 Seoul

Perdana Menteri berkata dunia kini memerlukan pejuang-pejuang dan pembentuk baru sistem perdagangan pelbagai hala dan terbuka kerana pejuang-pejuang lama tidak lagi wujud.

Berdasarkan kepada soal-pokok inilah Malaysia mencadangkan pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebagai satu gabungan bagi membolehkan rantau itu mempunyai badan serantau yang diperlukan ke arah menggalakkan sistem perdagangan dunia.

Dr Mahathir berkata ide untuk EAEC didorong oleh keinginan untuk menentukan bahawa keserantauan Asia Timur berkembang secara produktif bagi faedah semua negara di rantau itu, tanpa mengabaikan negara-negara yang terletak di luar Asia Timur.

"Sama ada kita suka atau tidak, sama ada kita mahu atau tidak, apa yang sedang rancak berlaku ialah pergantungan dan integrasi ekonomi Asia Timur, dan ia akan terus berlaku pada kadar yang sama," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata bahawa tidak seperti apa yang berlaku di Eropah dan kawasan lain, integrasi di Asia Timur semata-mata kerana pasaran serta perniagaan dan harus kekal seperti itu di masa depan. -- Lagi

▼24/05/15-29MST

CNS6110

U GB 24-05 00128 BH910

aab

Mahathir - Perdagangan 3 Seoul

"Kita harus terima hakikat bahawa sama ada kita suka atau tidak, keserantauan ekonomi tidak akan hilang. Sebenarnya, arus ekonomi khususnya perdagangan akan berkembang, bukan mengundur," kata Perdana Menteri.

Beliau menyeru kerajaan-kerajaan menentukan bahawa sebanyak mungkin blok perdagangan menjadi terbuka ke arah kelonggaran dan bukannya perlindungan perdagangan dunia.

Blok perdagangan adalah kumpulan-kumpulan yang mempunyai kemudahan yang sama untuk memasuki pasaran masing-masing, yang tidak dinikmati negara di luar kumpulan itu.

"Kita mesti berjuang untuk rantau terbuka," kata Dr Mahathir, sambil menjelaskan bahawa keterbukaan ini akan hanya wujud dengan adanya kelonggaran perdagangan dalaman dan jika halangan terhadap negara-negara lain dikurangkan.

Katanya untuk menjalin rantau terbuka, hasrat saja tidak mencukupi tanpa hasilnya. -- Lagi

▼24/05/16-36MST

CNS6119

U GB 24-05 00147 BH911

aab

Mahathir - Perdagangan 4 (Akhir) Seoul

Sebagai contoh, kata beliau, pengwujudan kesatuan ekonomi sepenuhnya oleh Kesatuan Eropah menurut "Projek 1992" sememangnya tidak bertujuan mengurangkan halangan kepada negara-negara bukan anggota EC.

Buat seketika, ucapan Dr Mahathir bercanggah dengan temanya apabila beliau berkata "Saya tidak mahu wujud Asia Timur yang terbuka."

Tetapi beliau dengan cepat menjelaskan bahawa: "Perlu saya katakan bahawa saya memilih Asia Timur yang begitu terbuka. Kerjasama ekonomi yang terbuka di Asia Timur pastinya akan menyumbang kepada dunia yang terbuka, kepada kesejagatan yang kita semua boleh banggakan."

Katanya kerancangan pertumbuhan rantau ini haruslah memberi manfaat kepada seluruh dunia, bukan setakat rantau itu saja.

Dr Mahathir ialah antara tiga ketua kerajaan yang berucap pada mesyuarat itu. Beliau berucap selepas Presiden Korea Selatan Kim Young Sam, diikuti Presiden Filipina, Fidel Ramos. -- Bernama

AU MIB

▼